

Penduduk Kampung Jinjang Selatan mahu pihak berkuasa buat sesuatu

Jelik lihat timbunan sampah

Oleh FIRDAUS ABDULLAH

KUALA LUMPUR

- Kira-kira 100 penduduk Kampung Jinjang Selatan di Segambut dekat sini berang dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang menjadikan tapak robohan kediaman setinggan di situ sebagai tempat pembuangan sampah haram.

Dakwa penduduk, sejak Mei lalu kawasan robohan berkenaan dipenuhi longgokan pelbagai sampah lantas dibimbangi menimbulkan masalah kesihatan.



KONG WAH

Wakil penduduk, Ho Kong Wah, 46, berkata, kedudukan kawasan tersebut yang terletak kira-kira 20 meter dari rumah penduduk turut mencacatkan pandangan.

Katanya, beberapa individu tidak dikenali sering dilihat datang ke kawasan berkenaan membuang sampah pada waktu malam.

"Kami kecewa dengan sikap tidak bertanggungjawab segelintir masyarakat yang datang membuang sampah di kawasan ini sesuka hati.

"Lebih membimbangkan ketika musim hujan apabila botol dan tin-tin kosong men-

jadi tempat takungan air dan dikhuatiri menjadi sarang pembiakan nyamuk," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Luahan sama disuarakan penduduk, Tan Poh Seng, 60, selain hairan mengapa pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak melakukan apa-apa walaupun aduan telah dibuat.

"Pemandangan menjijikkan ini memang boleh dilihat oleh sesiapa sahaja yang melalui Jalan Pintasan Segambut.

"Jalan tersebut yang bersebelahan kawasan pembuangan sampah ini merupakan laluan utama penduduk dari taman-taman perumahan berdekatan untuk ke ibu kota," katanya dengan nada kesal.



BEGINILAH keadaan timbunan sampah di kawasan robohan rumah setinggan di Kampung Jinjang Selatan, Kuala Lumpur semasa tinjauan semalam.

*** ADUAN TELAH DIDAFKARKAN DI SISTEM ADUAN BERSEPADU (SAB) UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA.**